

# Ketidaktepatan Terjemahan Eufemisme dalam al-Quran ke Bahasa Melayu

**BITARA**Volume 4, Issue 3, 2021: 047-061  
© The Author(s) 2021  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## Inaccuracies of the Translation of Euphemism in the Quran into Malay Language

Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Sa'ad & Zulazhan Ab. Halim<sup>1</sup>

### Abstrak

Eufemisme didefinisi sebagai gaya ujaran tidak langsung yang digunakan untuk menggantikan ungkapan tidak menyenangkan dan makna yang tidak sesuai. Dalam konteks terjemahan, ia mengundang kesukaran disebabkan faktor linguistik dan variasi budaya. Lantaran itu, ketidaksampaian makna sebenar eufemisme dan penggunaan teknik terjemahan yang kurang sesuai boleh menjejaskan mesej Al-Quran. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti teknik terjemahan eufemisme dalam Al-Quran dan menganalisis ketepatan terjemahan makna eufemisme dalam Al-Quran ke bahasa Melayu berdasarkan model Sameer Olimat. Kajian kualitatif ini mengguna pakai kaedah analisis kandungan dengan membuat perbandingan antara dua buah karya terjemahan Al-Quran dalam bahasa Melayu. Kajian ini memfokuskan terhadap makna terjemahan eufemisme dalam al-Qur'an di samping merujuk kepada pentafsiran kitab tafsir muktabar sebagai ukuran ketepatan. Seterusnya, untuk mengenal pasti teknik yang diterap dalam karya terjemahan, pengkaji menggunakan teknik terjemahan intervensi Darwish. Dapatan kajian menunjukkan terdapat penterjemah memindahkan teks sumber secara literal dengan mengekalkan struktur semantik dalam bahasa sasaran tanpa membuat sebarang penyesuaian. Hal ini mengundang implikasi apabila maksud sebenar eufemisme dalam Al-Quran tidak disampaikan dengan sempurna kepada khalayak pembaca. Walau bagaimanapun, terdapat eufemisme diterjemah secara literal dan memenuhi kehendak mesej Al-Quran kerana pendekatan tersebut selari dengan ijhtihad mufassir. Selain itu, terdapat juga terjemahan yang tidak menepati peraturan sosiolinguistik masyarakat Melayu kerana menggunakan perkataan yang sensitif. Berdasarkan analisis, teknik terjemahan yang berjaya menyampaikan makna sebenar eufemisme termasuklah teknik apositif secara parentesis, teknik gantian modulasi dan teknik pengeksplicitan secara nota kaki. Dapatan ini diharap dapat membuka ruang terhadap kajian berkaitan eufemisme dalam Al-Quran seterusnya menjadi panduan asas kepada pengkaji lain.

### Kata kunci:

Penterjemahan Al-Quran, eufemisme, teknik terjemahan, ketidaktepatan terjemahan.

### Abstract

Euphemism is defined as a stylistically indirect utterance used to substitute an unpleasant expression and inappropriate meaning. As far as the meaning is concerned, euphemism has created misunderstandings and conflicts due to linguistics and cultural differences. Therefore, misinterpretation of the real meaning and inappropriateness in translation techniques used may lead to inaccuracies in conveying meaning as intended to be said in the Quran. The objective of this study

<sup>1</sup> Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

### Corresponding Author:

Zulazhan Ab. Halim, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

\*e-mel: [zulazhan@unisza.edu.my](mailto:zulazhan@unisza.edu.my)

are to identify the techniques used in translation of euphemism in the Quran and analyze the accuracy of the translated meaning of euphemism as being used in the Quran into Malay using a model proposed by Sameer Olimat. This qualitative study applies the method of content analysis in comparing two translation works of the Quran in Malay language. This study focuses on the translated meaning of euphemisms in the Qur'an besides referring to the interpretation from the book of tafsir muktabar as a measure of accuracy. Next, to identify the techniques applied in the translation work, the researcher has used the intervention translation technique by Darwish. The findings of the study show that most translators used direct translation to transfer the source text literally by maintaining the semantic structure in the target language without making any adjustments, which may cause some drawbacks such as where the intended meaning of euphemisms in the Qur'an is not perfectly conveyed to the audience. However, there are euphemisms that are translated literally and fulfill the requirements of the message of the Qur'an because the approach is in line with the *ijtihad* of the *mufassir*. In addition, there are also translations that do not meet the rules of the community sociolinguistic values where using sensitive words. Based on the analysis, translation techniques that successfully convey the intended meaning of euphemisms include appositive techniques in parentheses, modulatory substitution and explanatory techniques in footnotes. It is hoped that these findings can initiate future research related to euphemisms in the Qur'an to be carried out and then become a basic guide for other researchers in the coming future.

**Keywords:**

Quran translation, euphemisms, translation techniques, translation inaccuracies.

**Cite This Article:**

Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Sa'ad & Zulazhan Ab. Halim. 2021. Ketidaktepatan terjemahan eufemisme dalam al-Quran ke Bahasa Melayu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(3): 47-61.

## Pengenalan

Al-Quran merupakan wadah bacaan yang lazim bagi masyarakat Islam. Kebanyakan daripada mereka mendapatkan maksud ayat Al-Quran melalui teks terjemahan. Hal ini kerana, teks terjemahan Al-Quran berfungsi menjelaskan mesej Al-Quran kepada pembaca yang tidak memahami bahasa Arab (Badrul Hisyam, 2018: 3). Karya terjemahan yang baik akan memperincikan mesej Al-Quran menggunakan perkataan yang mudah difahami di samping mengaplikasikan teknik terjemahan yang sesuai. Antara teknik yang lazim digunakan seperti teknik pengeksplicitan apabila penterjemah sedaya upaya menjelaskan sesuatu konsep yang implisit kepada keterangan yang difahami. Hal ini penting kerana salah satu tujuan penterjemahan adalah untuk memastikan mesej bahasa sumber disampaikan dengan gaya seni yang sempurna kepada pembaca bahasa sasaran. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Khalūsi (1982) bahawa proses pemindahan mesej daripada bahasa sumber ke bahasa sasaran perlu dilakukan secara berseni supaya kesan teks asal dapat dirasai oleh pembaca teks terjemahan. Perkara ini sejajar dengan definisi yang dikemukakan oleh Newmark (1981: 7) bahawa terjemahan merupakan satu kemahiran (atau kesenian) untuk menggantikan mesej dalam suatu bahasa dengan pernyataan yang sama dalam bahasa lain.

Sememangnya Al-Quran mengandungi unsur retorik dan gaya bahasa yang pelbagai antaranya dari komponen ilmu *al-bayān* dan *al-ma'āni*. Pun begitu, eufemisme merupakan salah satu bentuk gaya bahasa yang wujud dalam Al-Quran. Sarjana linguistik Arab

menggunakan pelbagai terma bagi merujuk kepada istilah eufemisme, antaranya الكنايات اللطيفة (*al-kināyāt al-latīfiyyatt*) oleh al-Zamakhsyari (w.538 H.) melalui penulisan al-Omouh (2011: 13), التلطف (*al-talattuf*) oleh Ibn Qutaibah (1986), المحسن اللفظي (*al-muhassin al-lafzi*) oleh al-A'skariy (1952), تحسين اللفظ (*tahsīn al-lafz*) oleh Husamaddin (1985), التلطف في التعبير (*al-talattuf fi al-ta'bir*) oleh Umar (1998) dan تلطيف العبارة (*taltif al-i'bāratt*) oleh al-Khuli (1982).


Menurut Al-harbi & Madini (2019: 119) eufemisme Arab terdiri daripada tiga elemen utama: 1- ungkapan eufemistis, 2- ekspresi yang asli, dan 3- konteks situasi. Penggunaan istilah tersebut merujuk kepada penggunaan perkataan yang lembut dan mengelakkan ujaran yang tidak menyenangkan. Kamus Dewan (2015: 402) mendefinisikan eufemisme sebagai ungkapan yang lebih lembut, sopan, manis dan seumpamanya untuk menggantikan ungkapan yang dianggap kasar. Secara etimologis, eufemisme berasal daripada bahasa Yunani, *eu* yang bermaksud bagus dan *phemeoo* pula bererti berbicara. Menurut Sameer Olimat (2018: 102) eufemisme didefinisi sebagai:

*'a socially acceptable or stylistically indirect utterance with non-literal structure and symbolic features used to substitute an offensive or unpleasant expression having inappropriate reference or meaning. It is widely used to communicate effectively about sensitive, unspeakable or forbidden matters'.*

Eufemisme berkait dengan budaya suatu bahasa. Hal ini kerana setiap bahasa mempunyai peraturan yang perlu dipatuhi selaras dengan etika komunikasi agar wujud unsur kesopanan dalam interaksi. Dengan itu para penterjemah perlu mengambil kira peraturan sosiolinguistik dalam masyarakat. Suatu perkataan yang diterjemah kadangkala menepati struktur semantik, akan tetapi tidak mematuhi penggunaannya dalam konteks masyarakat. Antaranya perkataan الغائط yang boleh dipadankan dengan 'jamban dan tandas', 'bodoh dan kurang akal', 'gila dan tidak siuman', serta يتوفى 'mati dan meninggal dunia'. Lantaran itu, penterjemah seharusnya bukan sahaja mementingkan aspek semantik dalam memindahkan makna, bahkan menitik beratkan aspek pragmatik dalam pemilihan perkataan. Antara topik sensitif untuk dibicarakan dalam masyarakat Melayu seperti hubungan intim suami isteri. Perihal ini banyak disebutkan dalam Al-Quran dalam bentuk eufemisme antaranya لامستم (menyentuh), فأتوهن (datangilah), الرفث (bersetubuh), يتماسا (bercampur), تغشاها (menggauli), فاءو (kembali kepada isteri). Menterjemah perkataan berikut kepada 'hubungan seksual' tidak menepati peraturan sosiolinguistik masyarakat Melayu kerana menzahirkan konotasi kasar dan tidak sopan. Adapun terjemahan kepada perkataan 'mencampuri dan bersetubuh' lebih berlapis dan mengetengahkan nilai rasa yang terhadap pembaca. Ketepatan daripada sudut pemilihan perkataan yang selari dengan konteks pragmatik dan budaya perlu diberi perhatian agar wujud unsur kesantunan dalam karya terjemahan.

Al-Quran penuh dengan ungkapan eufemistis yang berkaitan dengan topik sensitif dari segi sosial dan budaya. Sameer olimat (2019: 27) mengklasifikasi topik eufemisme dalam Al-Quran kepada 17 jenis sebagaimana berikut:

Rajah 1: Klasifikasi eufemisme dalam al-Quran berdasarkan topik



Sumber: Sameer Olimat (2019) International Journal of Computational Linguistics (IJCL)

Rajah di atas menunjukkan pelbagai bentuk eufemisme yang wujud dalam Al-Quran. Sebagaimana yang dipaparkan, 'hubungan suami isteri' dan 'kematian' adalah domain yang paling banyak terdapat dalam Al-Quran iaitu masing-masing 243 dan 169 ungkapan. Seterusnya eufemisme berkaitan dengan 'kesihatan' yang mewakili pelbagai aspek seperti penyakit dan kecacatan yang merangkumi masalah penglihatan, pendengaran, masalah mental serta kecacatan fizikal. Terdapat 60 eufemisme di bawah topik 'kerusakan', manakala 43 berkaitan topik 'kemiskinan'. Sebaliknya, domain 'perasaan', 'sumpah', 'perceraian', 'mengandung/ melahirkan', 'perkumuhan' dan 'kewangan' adalah topik yang paling sedikit iaitu masing-masing 3, 3, 10, 14, 16 dan 19 kekerapan. Berdasarkan rajah di atas, tidak semua topik yang dipaparkan merupakan eufemisme dalam masyarakat Melayu. Hal ini kerana terdapat istilah eufemistis dalam Al-Quran yang bukan istilah eufemistis dalam bahasa sasaran disebabkan faktor budaya dan konteks sosial. Walau bagaimanapun, wujud dalam kedua-dua bahasa domain universal yang berunsur eufemisme seperti kematian, perceraian, perkumuhan, kesihatan, kemiskinan dan hubungan intim. Domain ini bukan sahaja perlu diteliti pada tingkatan semantik dan sintaktik semata tetapi pada aspek pragmatik sebagai pelengkap terhadap kajian tentang aspek makna.

Dari sudut terjemahan Al-Quran ke bahasa Melayu, aspek ketepatan makna amat penting bagi memastikan terjemahan eufemisme yang dihasilkan tidak menyeleweng dan mampu menyampaikan mesej Allah. Ketepatan yang dimaksudkan bukanlah kesamaan total dari sudut makna yang dialih ke bahasa sasaran, tetapi memindahkan makna eufemisme dalam Al-Quran sekadar yang dibenarkan oleh struktur semantik dan linguistik bahasa sasaran. Hal

ini kerana Al-Quran yang diterjemahkan tidak mungkin dapat menepati semua makna dan maksud yang diungkapkan oleh teks asal Al-Quran dalam bahasa Arab (Badrul Hisyam, 2018: 16). Seajar dengan pandangan Malikah (2012: 49) yang menyatakan bahawa makna kontekstual teks Al-Quran dalam bahasa Arab yang tepat dipindahkan ke bahasa sasaran sekadar yang dibenarkan oleh struktur semantik dan linguistik sahaja. Dari sudut orientasi penterjemahan Al-Quran pula, terdapat terjemahan yang dihasilkan menggunakan bahasa yang tinggi dengan hasrat untuk memartabatkan terjemahan tersebut agar selari dengan keindahan Al-Quran dan sebaliknya, terdapat juga terjemahan yang mengutamakan kefahaman khalayak pembaca sasaran (Badrul Hisyam, 2018: 17).

## Eufemisme dalam al-Quran dan Permasalahan Terjemahan

Terdapat banyak ungkapan eufemisme dalam Al-Quran (al-Qahtani, 2020: 31). Menurut Sameer Olimat (2019: 25) terdapat 918 ungkapan eufemisme dalam Al-Quran masing-masing 518 dalam surah Makkiyyah dan 400 dalam surah Madaniyyah. Ungkapan ini berkait dengan topik yang sensitif dan menjadikan proses penterjemahan lebih sukar (Hadil Najib 2010: 376). Kesukaran ini menurut al-Qahtani (2020: 31) mengakibatkan penterjemah perlu melakukan keputusan yang rumit samaada mengurangkan kehilangan makna atau mengorbankan fungsi makna asal eufemisme. Bukan itu sahaja, kegagalan untuk memahami makna eufemisme secara kontekstual akan menghasilkan pemahaman yang menyimpang. Sameer olimat (2019: 102) menegaskan bahawa intratekstual dan kontekstual memainkan peranan penting untuk mendapatkan kefahaman mengenai tujuan dan fungsi eufemisme khususnya dalam Al-Quran. Eufemisme secara intratekstual merujuk kepada sebahagian makna eufemisme yang tidak terdapat dalam ayat yang sama, tetapi wujud melalui rujukan dan kesatuannya dengan surah dan ayat Al-Quran yang relevan di sekelilingnya. Adapun eufemisme secara kontekstual merujuk kepada situasi tertentu atau keadaan ekstralinguistik yang boleh wujud dalam surah yang sama atau ayat Al-Quran dan surah yang lain untuk menjelaskan bagaimana eufemisme itu diinterpretasi.

Al-Qahtani (2020) membincangkan teknik terjemahan dan jenis eufemisme berkaitan dengan topik kesukaran (*hardship*) dalam tiga karya terjemahan bahasa Inggeris. Kajiannya yang dijalankan secara kontekstual menunjukkan terdapat penterjemah yang menggunakan prosedur dan teknik terjemahan khusus bergantung kepada bentuk teks sumber. Walau bagaimanapun kebanyakannya mengaplikasi teknik terjemahan secara literal disebabkan kesukaran dan konteks eufemisme yang kompleks begitu juga maksud konotatif perlu diberi perhatian. Seterusnya kajian Rufaida Mohamed et al. (2019) yang dijalankan bertujuan merungkai kesukaran yang dihadapi oleh penterjemah dalam menangani eufemisme dan ekspresi tabu dalam konteks Al-Quran. Perbincangan kajian menyatakan teks Al-Quran dikelilingi dengan bahasa figuratif yang bertujuan mengelakkan bahasa ofensif dan tabu. Dari sudut elemen budaya dan leksikal, Ali Albashir Mohammed Alhaj et al. (2019) melalui kajiannya menjelaskan terdapat kekangan dari sudut budaya dan leksikal dihadapi oleh penterjemah disebabkan sempadan linguistik antara bahasa. Dengan itu penterjemah menggunakan pelbagai strategi antaranya transliterasi, transposisi, pengubahan budaya dan nota kaki. Jelaslah bahawa menterjemah ungkapan eufemisme dalam Al-Quran ke bahasa

Melayu bukanlah suatu yang mudah disebabkan faktor linguistik dan budaya. Dengan itu penterjemah haruslah mengambil kira kepada dua aspek penting. Pertama, menyedari ekspresi eufemisme dalam terjemahan, kedua menterjemah ekspresi eufemisme secara tepat sebagaimana yang dimaksudkan dalam Al-Quran.

Permasalahan terjemahan eufemisme dalam Al-Quran dapat diperinci berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Ali Albashir M. A. & Mohamoud Ali A. O. (2017) seperti berikut:

1. Eufemisme dalam Al-Quran berkait dengan topik agama dan mengandungi makna konotatif.
2. Eufemisme dalam Al-Quran mempunyai perbezaan makna yang sangat halus dan sukar difahami.
3. Perbezaan budaya; ekspresi budaya Al-Quran perlu sebaiknya diterjemah agar setara dalam bahasa sasaran untuk menghasilkan imej yang sama.
4. Al-Quran tidak dapat diterjemahkan secara harfiah kerana leksem dan ungkapan Arab yang mempunyai lebih daripada satu makna dan kebanyakan diguna secara kiasan.

Daripada penerangan di atas, jelaslah bahawa penterjemahan eufemisme dalam Al-Quran merupakan satu cabaran kepada penterjemah disebabkan wujudnya jurang budaya antara bahasa. Dengan itu, teknik terjemahan yang sesuai perlu diaplikasi supaya maksud asal eufemisme difahami oleh pembaca. Antaranya Darwish (2010) melalui penulisan Badrul Hisyam (2018) mencadangkan teknik terjemahan intervensi untuk menangani jurang antara bahasa. Teknik tersebut dibahagikan kepada tiga subteknik utama, iaitu teknik imbalan, teknik modulasi dan teknik pengeksplisitan. Teknik imbalan digunakan apabila persamaan terus tidak wujud dalam penterjemahan. Adapun teknik modulasi melibatkan penyesuaian dan penyelarasan makna teks sumber sama ada perkataan, frasa atau pun ayat. Manakala teknik pengeksplisitan digunakan untuk menerangkan teks bahasa sumber sama ada perkataan, frasa atau ayat yang tidak mempunyai terjemahan langsung dan tidak dapat ditangani menggunakan teknik imbalan. Teknik ini merupakan teknik yang berorientasikan khalayak bahasa sasaran. Berikut merupakan perincian kepada teknik terjemahan intervensi Darwish (2010):

Rajah 2: Teknik terjemahan intervensi Darwish (2010)

<p style="text-align: center;"><b>TEKNIK IMBALAN</b></p> <p>1- Teknik Gantian</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Pinjaman</li> <li>b) Pinjam-terjemah</li> <li>c) Gantian modulasi</li> <li>d) Terjemahan implikatif</li> <li>e) Teknik penyilangan</li> <li>f) Penterjemahan bersarak</li> <li>g) Penterjemahan penyangkalan</li> <li>h) Gantian kumulatif</li> <li>i) Pemindahan</li> </ol> <p>2- Teknik Suplemen</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Teknik apositif</li> <li>b) Teknik aditif</li> </ol>	<p style="text-align: center;"><b>TEKNIK MODULASI</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1- Pengurangan &amp; Penambahan</li> <li>2- Terjemahan Secara Ikhtisar</li> <li>3- Perubahan Struktur</li> <li>4- Anjakan Tatabahasa</li> </ol>
	<p style="text-align: center;"><b>TEKNIK PENGEKSPLISITAN</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1- Terjemahan Definisi</li> <li>2- Terjemahan Deskripsi</li> <li>3- Terjemahan Eksplisit</li> <li>4- Terjemahan Bercontoh</li> </ol>

Untuk menghasilkan terjemahan eufemisme yang berkualiti, para penterjemah Al-Quran perlu mengkaji secara mendalam makna item leksikal Al-Quran dari sudut etimologi (al-Zarqānī, 1988). Selain itu, pengetahuan yang cukup tentang budaya dan struktur bahasa adalah perlu untuk ditekuni. Ini kerana perbendaharaan sesuatu bahasa tidak dapat dipisahkan sama sekali dengan budaya sumbernya (Syed Nurulakla, 2015). Di samping tu, pengaplikasian teknik terjemahan yang sesuai merupakan perkara yang penting agar maksud asal eufemisme dalam Al-Quran dapat disampaikan dengan jelas kepada pembaca. Penggunaan teknik terjemahan secara literal membawa kepada wujudnya implikasi ketidaktepatan dalam menyampaikan mesej sebenar Al-Quran. Malah akan membataskan kefahaman disebabkan keterikatan dengan gaya bahasa sumber. Ringkasnya, permasalahan timbul apabila mesej Al-Quran tidak difahami oleh pembaca lanjutan daripada penggunaan teknik yang kurang sesuai.

Sejajar dengan Sameer Olimat (2018: 105) melalui model penilaian terjemahan eufemisme dalam Al-Quran yang menyatakan bahawa antara masalah yang wujud iaitu terjemahan yang tidak sepadan, teknik yang tidak sesuai, makna asal eufemisme tidak disampaikan dan gaya eufemistis yang tidak dikekalkan dalam karya terjemahan. Menurutnya lagi, untuk menjalankan penilaian ke atas karya terjemahan, pengkaji seharusnya meneliti kepada empat aspek berkaitan makna iaitu 1) makna konteks / tafsir, 2) makna leksikal/ kamus, 3) jenis makna eufemisme dan 4) makna tekstual. Sehubungan itu, kajian ini akan mengenal pasti teknik terjemahan eufemisme dan menganalisis ketepatan terjemahan makna eufemisme dalam Al-Quran ke bahasa Melayu berdasarkan kerangka model Sameer Olimat (2019). Dengan itu, kajian akan meneliti sejauh mana karya terjemahan bahasa Melayu mengambil kira aspek penggunaan teknik dan penentuan makna dalam terjemahan.

## Metodologi

Kajian kualitatif ini dijalankan menggunakan pendekatan analisis dan perbandingan terhadap eufemisme dalam Al-Quran dan karya terjemahan dalam bahasa Melayu. Pendekatan kualitatif ini terarah kepada analisis kandungan terhadap dua teks terjemahan Al-Quran dalam bahasa Melayu. Dua karya terjemahan dijadikan bahan kajian iaitu 1- *Al-Quran terjemahan bahasa Melayu* terbitan Masar Enterprise. Pustaka al Ehsan. Cetakan 2018, dan 2- *Al-Quran al Karim & Terjemahan* terbitan Telaga Biru Sdn Bhd. Cetakan 2019. Kajian ini meneliti kedua-dua karya tersebut dengan memfokuskan aspek terjemahan makna ungkapan eufemisme dalam al-Qur'an. Adapun prosedur pemilihan data kajian dibuat berdasarkan dua kriteria yang wujud dalam karya terjemahan antaranya ketidaktepatan dalam menyampaikan makna asal eufemisme dan penggunaan teknik yang kurang sesuai. Kriteria ini ditetapkan berdasarkan model penilaian terjemahan eufemisme yang digariskan oleh Sameer Olimat (2019). Menurutnya, kualiti terjemahan eufemisme dalam Al-Quran dapat digambarkan apabila karya terjemahan memenuhi empat aspek iaitu, makna eufemisme disampaikan, gaya eufemistis dikekalkan, teknik terjemahan yang sesuai dan padanan atau struktur yang mematuhi bahasa sasaran. Seterusnya, untuk mengenal pasti teknik yang digunakan dalam karya terjemahan, pengkaji menerapkan pendekatan yang dicadang oleh Darwish (2010) iaitu teknik terjemahan intervensi.

Manakala, penganalisan data kajian dibuat dengan merujuk kepada teks terjemahan dan pentafsiran kitab tafsir muktabar seperti *tafsir al-Jami' li Ahkam Al-Quran* oleh Imam al-

Qurtubi, *tafsir Jami'al-Bayan* oleh Imam al-Tabari, *tafsir Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil* oleh al-Baydhāwi *al-Durr al-Manthur* oleh al-Suyūti dan *tafsir al-Kashshaf* oleh al-Zamakhshari sebagai ukuran ketepatan. Untuk mencapai objektif yang direalisasikan, pengkaji memanfaatkan korpus yang disusun oleh Sameer Olimat (2019) iaitu *Corpus of Euphemisms in the Qur'an* sebagai instrumen semakan terhadap ungkapan eufemisme dalam Al-Quran. Korpus tersebut telah disahkan melalui kajian peringkat kedoktoran oleh Sameer Olimat (2019) dan disediakan sebagai platform repositori ilmiah untuk komuniti penyelidikan. Kesahan dan kerelevanan korpus tersebut diakui oleh Hamidah Abdul Wahab et al. (2020: 78) dengan menyatakan bahawa Sameer Olimat telah menjelaskan ungkapan eufemistik dalam Al-Quran secara komprehensif, bersandarkan kepada set panduan linguistik, tafsir Al-Quran, kamus, dan perundingan dengan ahli akademik serta pakar agama.

Ayat di atas menjelaskan perihal musuh Allah yang dikumpulkan untuk dibawa ke neraka dan anggota tubuh mereka menjadi saksi yang mengakui segala apa yang dilakukan. Al-Qurtubi (2006: 405); al-Tabari (1994: 460) dan al-Suyūti (2011: 319) menyatakan bahawa perkataan الجلود bermaksud kulit. Menurut al-Qurtubi (*ibid*) terdapat pandangan daripada Ubaidillah bin Abi Ja'far dan al Farra' yang menyatakan perkataan tersebut bermaksud anggota sulit. Al-Zamakhshari (2009: 967) menafsirkan perkataan جُلُودُهُم dikatakan adalah kināyah kepada anggota kemaluan. Perkataan جلود secara literal bermaksud kulit-kulit (Kamus Besar Arab-Melayu Dewan, 2006: 324). Berdasarkan jadual 2 di atas, kedua-dua karya terjemahan mengekalkan gaya eufemistik bahasa sumber secara pinjam terjemah iaitu 'kulit/ kulit-kulit'. Pengekalan struktur semantik dalam terjemahan tersebut tanpa menambah perkataan 'kemaluan/ anggota sulit' adalah tepat dan selaras dengan ijthad *mufasssir*. Namun demikian, penterjemah boleh menggunakan teknik pengeksplicitan seperti nota kaki atau teknik imbalan secara parentesis untuk merujuk kepada perkataan 'kemaluan' sebagai tambahan kefahaman tentang pandangan dan ijthad *mufasssir* yang lain.

## Analisis dan Perbincangan

Bagi memudahkan analisis, pengkaji mengaplikasi teknik pengekodan dengan menanda ungkapan eufemisme dalam Al-Quran secara underline (garisan bawah), manakala karya terjemahan daripada penerbit Pustaka al Ehsan ditandai kod 'terjemahan PE' dan penerbit Telaga Biru dikod 'terjemahan TB'. Adapun analisis dan perbincangan dibuat dengan membanding teks terjemahan dalam bentuk jadual sebagaimana berikut:

Contoh 1:

Jadual 1: Surah al-Baqarah (Ayat 222)

Eufemisme	Terjemahan PE	Terjemahan TB
فَاعْتَرَلُوا الْبِئْسَاءَ فِي الْمَحِيضِ وَلَا تَقْرُبُوهُنَّ حَتَّى يَطْهَرْنَ	Jangan kamu dekati mereka sebelum mereka suci	Janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci



Eufemisme لا تقربون pada jadual 1 terdiri daripada kategori makna berunsur kinayah yang merujuk kepada tegahan melakukan hubungan suami isteri ketika dalam haid (al-Zamakhshari, 1995). Terjemahan secara literal kepada ‘dan jangan kamu mendekati mereka’ menyebabkan maksud asal tidak disampaikan dengan sempurna. Pendekatan PE dilihat menggunakan teknik gantian secara pinjam terjemah dengan mengekalkan bentuk semantik dan laras teks bahasa sumber. Dengan itu, maksud asal eufemisme tersebut tidak dijelaskan dengan tepat, seterusnya menimbulkan ketaksaan kepada pembaca. Walau bagaimanapun, terjemahan yang dilakukan oleh TB menggunakan teknik imbalan dengan mengaplikasi terjemahan apositif secara parentesis iaitu menambah elemen makna kedua dalam kurungan (untuk bersetubuh). Teknik ini dilihat mampu menyampaikan dengan sempurna makna sebenar eufemisme kepada pembaca.

Contoh 2:

Jadual 2: Surah al-Fussilat (Ayat 20)

Eufemisme	Terjemahan PE	Terjemahan TB
حَتَّىٰ إِذَا مَا جَاءُوهَا شَهِدَ عَلَيْهِمْ سَمْعُهُمْ وَأَبْصَرُهُمْ وَجُلُودُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ	Kulit Mereka	Kulit-kulit mereka

Contoh 3:

Ayat di atas menjelaskan perihal musuh Allah yang dikumpulkan untuk dibawa ke neraka dan anggota tubuh mereka menjadi saksi yang mengakui segala apa yang dilakukan. Al-Qurtubi (2006: 405); al-Tabari (1994: 460) dan al-Suyūti (2011: 319) menyatakan bahawa perkataan الجلد bermaksud kulit. Menurut al-Qurtubi (*ibid*) terdapat pandangan daripada Ubaidillah bin Abi Ja'far dan al Farra' yang menyatakan perkataan tersebut bermaksud anggota sulit. Al-Zamakhshari (2009: 967) menafsirkan perkataan جلود dikatakan adalah kinayah kepada anggota kemaluan. Perkataan جلود secara literal bermaksud kulit-kulit (Kamus Besar Arab-Melayu Dewan, 2006: 324). Berdasarkan jadual 2 di atas, kedua-dua karya terjemahan mengekalkan gaya eufemistis bahasa sumber secara pinjam terjemah iaitu ‘kulit/ kulit-kulit’. Pengekalan struktur semantik dalam terjemahan tersebut tanpa menambah perkataan ‘kemaluan/ anggota sulit’ adalah tepat dan selaras dengan ijtihad *mufasssir*. Namun demikian, penterjemah boleh menggunakan teknik pengeksplicitan seperti nota kaki atau teknik imbalan secara parentesis untuk merujuk kepada perkataan ‘kemaluan’ sebagai tambahan kefahaman tentang pandangan dan ijtihad *mufasssir* yang lain.

Jadual 3: Surah al-Baqarah (Ayat 197)

Eufemisme	Terjemahan PE	Terjemahan TB
الْحَجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَاتٌ فَمَنْ فَرَضَ فِيهِنَّ الْحَجَّ فَلَا رَفْتٌ وَلَا فُسُوقٌ وَلَا جِدَالٌ فِي الْحَجِّ	Dia berkata lucu (rafas*) *lucu (rafas) ertinya mengeluarkan perkataan yang menimbulkan berahi, perbuatan yang tidak senonoh atau hubungan seksual	Bersetubuh

Dalam jadual 3, ungkapan eufemisme رَفَثٌ merupakan satu bentuk makna kinayah iaitu melakukan hubungan suami isteri (al-Qurtubi 2000). Menurut Ibn Manzūr (1990) dan al-Baydhāwi (2003) perkataan itu bermaksud kata berunsur ghairah bertujuan melakukan persetubuhan/ melakukan persetubuhan. Manakala Kamus Besar Arab-Melayu Dewan (2006: 929) memberi maksud persetubuhan. Berdasarkan jadual, PE menggunakan gabungan teknik iaitu gantian modulasi (*dia berkata lucah*), pinjaman iaitu (*rafas*) secara transliterasi, apositif dan pengeksplisitan secara nota kaki. Sementara itu, TB menggunakan teknik gantian modulasi dengan membuat penyesuaian mesej terjemahan secara komunikatif. Terjemahan oleh PE menggunakan frasa ‘dia berkata lucah’ sepadan daripada sudut semantik, tetapi tidak tepat penggunaannya dalam konteks sosiolinguistik masyarakat Melayu. Hal ini kerana makna rujukan perkataan lucah membawa maksud anggota pada tubuh badan (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2008: 140) dan menyentuh unsur nilai moral (Melor Fauzita et al., 2017: 201). Begitu juga frasa ‘hubungan seksual’ dalam huraian nota kaki adalah tidak selari dengan peraturan sosiolinguistik masyarakat Melayu kerana menzahirkan gaya dan konotasi yang terlalu berterus terang, kasar dan tabu. Penterjemah boleh menggantikan frasa ‘dia berkata lucah’ kepada ‘kata yang mengghairahkan’ dan frasa ‘hubungan seksual’ boleh digantikan kepada ‘bersetubuh/ hubungan intim’. Penggunaan frasa ini dilihat lebih berlapik dan menzahirkan nilai kesantunan dalam pemilihan perkataan.

#### Contoh 4:

Jadual 4: Surah al-Nisa’ (Ayat 24)

Eufemisme	Terjemahan PE	Terjemahan TB
فَمَا اسْتَمْتَعْتُمْ بِهِ مِنْهُنَّ فَآتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ فَرِيضَةً	Maka kerana kenikmatan yang telah kamu dapatkan dari mereka	Kemudian, mana-mana perempuan yang kamu nikmati (setubuhi) antara mereka

Al-Qurtubi (2006: 214) menjelaskan ayat tersebut bermaksud ‘kenikmatan dan mahar iaitu bayaran ke atas kenikmatan’. Menurutny lagi, terdapat *mufasssir* yang menjelaskan ayat tersebut bermaksud ‘persetubuhan’. Adapun al-Suyūti (2011: 483) menyatakan yang dimaksudkan dengan الاستمتاع ialah ‘pernikahan’. Walau bagaimanapun, penjelasan maksud perkataan tersebut menurut sebahagian *mufasssir* adalah ‘pernikahan dan persetubuhan’ (al-Tabari (1994: 436). Menterjemah perkataan tersebut kepada ‘kenikmatan’ sebagaimana dilakukan oleh PE, telah menghadkan perincian makna dan menjejaskan mesej Al-Quran. Hal ini kerana, terjemahan secara pinjam terjemah sebagaimana yang ditegaskan oleh Darwish (2010) menyebabkan maksud sebenar tidak disampaikan dengan baik. Sebaliknya, terjemahan oleh TB mengaplikasi terjemahan apositif secara parentesis iaitu menambah elemen makna kedua dalam kurungan (*setubuhi*) untuk menyampaikan maksud eufemisme kepada pembaca. Natijahnya, terjemahan yang dilakukan oleh TB telah mengekalkan gaya eufemistik, menyampaikan makna sebenar eufemisme dan mengaplikasikan teknik terjemahan yang baik.

**Contoh 5:**

Jadual 5: Surah al-A'raf (Ayat 80)

Eufemisme	Terjemahan PE	Terjemahan TB
وَلَوْطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفَلْحِشَّةَ مَا سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِنَ الْعَالَمِينَ	Melakukan perbuatan keji	Melakukan perbuatan keji (homoseksual)

Jadual di atas memperihalkan tentang kaum nabi Lut a.s yang melakukan perbuatan yang dimurkai Allah iaitu melakukan hubungan sejenis antara lelaki. Al Qurtubi (2006: 274) menyatakan perkataan *الْفَلْحِشَّةُ* bermaksud mendatangi lelaki dan kata tersebut menjelaskan tentang perbuatan zina. Kamus Besar Arab-Melayu Dewan (2006: 1736) mendefinisikan perkataan *الْفَلْحِشَّةُ* kepada perbuatan atau perkataan yang keji. Berdasarkan teks terjemahan, PE hanya mengekalkan gaya eufemistik dengan mengaplikasi teknik pinjam terjemah serta terikat dengan struktur semantik bahasa sumber. Pengekalan laras teks sumber sedemikian tanpa melakukan penyesuaian menyebabkan berlaku kehilangan makna. Berbeza dengan terjemahan yang dilakukan oleh TB apabila penterjemah menerapkan teknik imbalan dengan mengaplikasi terjemahan apositif secara parentesis iaitu menambah elemen makna kedua dalam kurungan (*homoseksual*). Ringkasnya, terjemahan oleh TB telah mengekalkan gaya eufemistik, menyampaikan makna sebenar eufemisme dan mengaplikasikan teknik terjemahan yang sesuai.

**Contoh 6:**

Jadual 6: Surah al-A'raf (Ayat 26)

Eufemisme	Terjemahan PE	Terjemahan TB
يَبْنِيْ عَادَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُؤَارَى سَوْءَاتِكُمْ وَرِيْشًا	Untuk menutupi auratmu	Untuk menutup aurat

*Kamus Besar Arab-Melayu Dewan* (2006: 1204) mendefinisikan perkataan *السوءاء* ialah 'perbuatan atau perkara yang memalukan' dan 'aurat'. Empat mazhab utama dalam Fiqh Islam iaitu mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali menetapkan bahawa aurat bagi lelaki adalah antara pusat dan lutut manakala bagi wanita ialah keseluruhan tubuhnya kecuali muka dan tapak tangan (Asmawati Suhid et al., 2013: 41). Perkataan aurat juga secara umum merujuk kepada anggota badan tertentu dan bentuk badan (Mohd Yusof et al., 2010). Menurut *Kamus Dewan* (2010: 90), aurat bermaksud bahagian tubuh yang tidak boleh kelihatan atau wajib ditutup. Al-Tabari (1994: 418) menjelaskan frasa *يؤارى سؤءاتكم* bererti menutup aurat dari pandangan dan kata *السوءاء* merujuk kepada 'aurat-aurat'. Di samping itu, al-Qurtubi (2006: 182) menyatakan ayat tersebut adalah bukti wajib menutup aurat dan terdapat pandangan yang menetapkan definisi aurat untuk lelaki antaranya 'kemaluan' oleh Abi Zi'b, 'lutut' oleh Imam Abu Hanifah, 'pusat dan lutut' oleh Imam al-Syafi'i. Menurut A. Al-Omoush (2011: 81) dan Muhammad Abu A'id & Muhammad Rahimi (1975: 8) kata *السوءاء* tersebut wujud dalam wacana Al-Quran dengan lafaz yang lembut merujuk kepada anggota kemaluan. Sementelahan itu, Ibn Katsir (2016) melalui perbincangan al-Qahtani (2020: 68) menyatakan ianya merujuk kepada 'kemaluan'.

Terjemahan kepada perkataan ‘aurat’ secara literal seperti yang dilakukan oleh kedua-dua penerbit adalah terikat dan setia dengan struktur semantik bahasa sumber. Dengan itu, maksud sebenar eufemisme tidak disampaikan dengan jelas dan spesifik. Penterjemah boleh menerapkan beberapa teknik untuk memperincikan makna eufemisme tersebut antaranya teknik imbalan secara (gantian modulasi, apositif) atau teknik modulasi secara (penambahan) atau teknik pengeksplisitan secara (nota kaki, diskripsi).

### Contoh 7:

Jadual 7: Surah al-Mu’minun (Ayat 7)

Eufemisme	Terjemahan PE	Terjemahan TB
فَمَنْ أَتَعَىٰ وَرَاءَ ذَٰلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْعَادُونَ	Di balik itu (zina dan sebagainya)	Selain daripada yang demikian

Sameer Olimat (2019) menyatakan frasa tersebut adalah eufemisme dalam Al-Quran. Ayat di atas memperihal mengenai orang yang mencari kenikmatan hubungan badan dengan selain isteri. Dengan itu, dia telah melampaui batas Allah kerana meninggalkan yang halal. Secara kontekstual, al-Qurtubi (2006: 14) menjelaskan perkataan *فَمَنْ أَتَعَىٰ* bermaksud ‘selain, iaitu sesiapa yang berkehendak (melakukan perbuatan melampaui batas) selain isteri-isteri yang dimilikinya’ dan *ذَٰلِكَ* ‘merujuk kepada yang disebutkan, lelaki atau perempuan’. Adapun al-Suyūti (2011: 88) menyatakan frasa tersebut bererti ‘sesiapa berkehendak (lakukan) perbuatan keji iaitu yang melampaui batas halal maka mereka itulah pesalah agama’. Frasa dalam jadual di atas perlu dilihat pada peringkat kontekstual untuk mendapatkan kefahaman mengenai fungsi eufemisme. Terjemahan literal menjurus kepada maksud ‘di balik itu/ selain yang demikian’. Ringkasnya, terjemahan sebegini menghilangkan maksud implisit frasa tersebut dan mempengaruhi kefahaman pembaca sasaran. Walau bagaimanapun, teknik apositif secara parentesis yang digunakan oleh PE dilihat membantu pembaca untuk memahami maksud kontekstual ayat di atas. Sebaliknya, terjemahan TB tidak menyampaikan maksud sebenar eufemisme dengan baik.

## Dapatan Kajian

Analisis terhadap dua karya terjemahan menunjukkan penerbit cenderung mengekalkan gaya eufemistis teks sumber dengan memindahkan makna ungkapan secara pinjam terjemah. Selain itu, terdapat terjemahan yang tidak mematuhi peraturan sosiolinguistik masyarakat Melayu apabila menggunakan perkataan yang tidak berlapik dan bertentangan dengan sosiobudaya Melayu, contohnya frasa ‘dia berkata lucu’ dan frasa ‘hubungan seksual’ dalam huraian nota kaki yang dilakukan oleh penerbit Pustaka Ehsan. Walaupun perkataan tersebut sepadan dengan struktur semantik, ianya membawa konotasi yang kurang sopan kepada khalayak sasaran. Secara keseluruhan, terjemahan literal adalah prosedur utama diterapkan oleh penterjemah. Hal ini menyebabkan implikasi terhadap maksud sebenar eufemisme dalam Al-Quran apabila tidak disampaikan dengan sempurna. Walau bagaimanapun, terdapat terjemahan secara literal contohnya kata *جُلُودُهُمْ* yang diterjemah kepada ‘kulit’ dan menepati kehendak mesej Al-Quran disebabkan selari dengan ijthad *mufasssir*. Berdasarkan tujuh sampel potongan ayat Al-Quran

yang dianalisis, terjemahan oleh TB dengan menggunakan sebilangan teknik apositif secara parentesis dan gantian modulasi dilihat lebih menekankan ketepatan mesej kepada khalayak pembaca. Adapun terjemahan yang dibuat oleh PE kebanyakan terikat dengan struktur semantik dan laras bahasa sumber. Namun demikian, terdapat satu teknik pengeksplisitan secara nota kaki dan satu teknik apositif secara parentesis yang diaplikasi oleh PE sebagai usaha menyampaikan maksud sebenar eufemisme. Penggunaan teknik pinjaman secara transliterasi dilihat tidak menyampaikan maksud sebenar eufemisme melainkan disisipkan dengan teknik apositif atau teknik pengeksplisitan. Ringkasnya, teknik terjemahan yang berjaya menyampaikan makna sebenar eufemisme termasuklah teknik apositif secara parentesis, teknik gantian modulasi dan teknik pengeksplisitan secara nota kaki.

## Kesimpulan

Terjemahan eufemisme dalam Al-Quran perlu dilakukan dengan teliti disebabkan faktor linguistik dan variasi budaya yang wujud antara kedua-dua bahasa. Lantaran itu, penterjemah seharusnya konsisten menggunakan pendekatan tertentu dari sudut penggunaan teknik dan prosedur terjemahan untuk mencapai kesetaraan, ketepatan serta padanan yang terbaik. Implikasinya, terjemahan yang kurang tepat boleh membawa kepada mesej Al-Quran yang tidak disampaikan terhadap pembaca sasaran. Oleh itu, memindahkan mesej sebenar sebagaimana yang dimaksudkan dalam Al-Quran pada tahap ketepatan yang tinggi merupakan usaha yang perlu diberi perhatian. Secara keseluruhannya, kajian ini telah mengemukakan beberapa cadangan dan menghuraikan perbincangan dari sudut penggunaan teknik dan ketidaktepatan dalam menyampaikan maksud sebenar eufemisme dalam Al-Quran. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian ini diharap menyumbang khususnya dalam memperkayakan ilmu dan pengkajian dalam bidang terjemahan Arab-Melayu.

## Rujukan

- Ainon Mohd, Abdullah Hassan. 2008. *Teori dan Teknik Terjemahan*. PTS.
- Ali Albashir M. A, Mesfer Ahmed Mesfer Alwadai & Majda Babiker Ahmed Abdulkareem. 2019. Constrains of Rendering Some Selected Qur'anic Verses (Āyahs) into English: A Sociorhetorical Interpretation. *International Journal of Linguistics, Literature and Translation (IJLLT)*.: 2(5): 102-117.
- Ali Albashir M. A. & Mohamoud Ali A. O. 2017. Problems of Translating Qur'anic Euphemisms: A Comparative Socio-pragmatic Study. *American International Journal of Contemporary Research*. 7(4): 104-117.
- al-A'skariy, Abu Hilal. 1952. *Maqāyis al-Balāghiyyatt*. Al Kāhiratt.
- Asmawati Suhid, Mohd Faizal Mohd Zain, Abdul Muhsin Ahmad & Mohd Aderi Che Noh. 2013. Tahap Pengetahuan Pelajar Tentang Konsep Menutup Aurat: Suatu Tinjauan Umum. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(1): 40-47.
- Badrul Hisyam Mohd Yasin. 2018. Jurang Leksikal dalam Penterjemahan Kata Kerja Al-Quran Pola Af'ala ke Bahasa Melayu. (Tesis Kedoktoran). Universiti Putra Malaysia.
- al-Baydhāwi, N. 2003. *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Darwish, A. 2010. *Elements of Translation*. Melbourne: Writescope.

- Hadil Najib al Tai'. 2010. Euphemism in Arabic & English Translation: Quranic Texts as a Case Study. *Majallat Kuliyyat Ma'mun al-Jāmi'at*. Bil 16. 370-380.
- Hamidah Abdul Wahab, Khazriyati Salehuddin, Mohammed Azlan Mis & Imran Ho Abdullah. 2020. Eufemisme Perceraian dalam Masyarakat Melayu Sarawak: Analisis Semantik Kognitif. *GEMA Online Journal of Language Studies*. 20(4), 1-15.
- al-Harbi, t & Madini, s. 2019. A Contrastive Study of Euphemism Between Arabic and English Languages". *Journal of Applied Linguistics and Language Research*. 6(5): 118-21.
- Husamaddin Karim Zakiy. 1985. *Al-Mahzūratt al-Lughawiyatt*. Al-Kāhiratt: Maktabatt al-Anjalu.
- Ibn Katsir, H. 2016. *Tafsir Ibn Kathir in The English Language with Arabic verses*. Saudi Arabia: Darussalam.
- Ibn Manzūr. 1990. *Lisān al-ʿArab*. Beirut: Dār al-Sādir.
- Ibn Qutaibah, ʿAbd Allāh ibn Muslim. 1986. *Adab al-kātib*. Beyrūt: Mu'assasat al-Risālatt.
- Kamus Besar Arab-Melayu Dewan. 2006. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalūsī, Š. 2.-H.-M.-ʿ.-K. 1982. *Fann al-Tarjamatt fī ʿDau' al-Dirāsatt al Muqāranatt*. Iraq: Dār al-Rashīd.
- al-Khūli, M. A. 1982. *A Dictionary of Theoretical Linguistics*. Beirut: Libarairie du Liban.
- Malīkah, S. 2012. Tarjamah Maʿānī al-Qurʿān al-Karīm ʿinda Denise Masson: Dirāsatt Tatbīqiyyatt. (Disertasi Sarjana), Jāmiʿah Wahrān, Algeria.
- Melor Fauzita Md. Yusoff, Nor Hafidah Ibrahim & Nor Hasimah Ismail. 2017. Eufemisme dalam kalangan Mahasiswa dan Implikasinya kepada Kesantunan Berbahasa. *Journal of Human Development and Communication*. Volume 6.191-204.
- Mohd. Yusof, Farahwahida & Muhamad, Nur Afzan. 2010. Aurat Wanita Muslim Menurut Perspektif Islam: Penerimaan Dan Pengamalan Di Kalangan Masyarakat. *Jurnal Universiti Teknologi Malaysia*. (Unpublished). pp 1-7.
- Muhammad Abu A'id & Muhammad Rahimi Khuwaikani 1975. Al-Talattuf wa al- Mahzūr fi Tafsir al-Kassyāf li al-Alfāz al-Jinsiyyatt fi Lughat Al-Quran al-Karim. *Buhūs fī al-Lughatt al-A'rabiyatt*. Jamia'at Isfahan. A'dad 22. pp 1-22.
- Nasimah Abdullah, Lubna Abd. Rahman & Saifullah Samsudin. 2018. Terjemahan Kinayah dalam Wacana Al-Quran: Analisis Teori Semantik Newmark. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. 5(2): 256-276.
- Newmark, P. 1981. *Approaches to Translation*. Oxford: Pergamon Press Ltd.
- al-Omoush, A. 2011. *Euphemism in the language of the Holy Koran*. (Master Thesis). Al-Albayt University, Jordan.
- al-Qahtani, Osama. 2020. The Translation of Euphemisms for Genitals in the Quran. *RAIS Journal for Social Sciences*. 4(2): 66-70.
- al-Qahtani, Osama. 2020. Translation Techniques applied in the Translation of Euphemisms for Hardship in the Quran. *Advances in Language and Literary Studies*. Published by Australian International Academic Centre PTY. LTD. 31-37.
- al-Qurtubi, A.A. 2006. *Al-Jāmi' li Ahkām Al-Quran*. Abi ʿAbdillah Muhammad bin Ahmad. Beirut: Muassasatt al-Risālatt.

- Rufaida Mohamed Almahdi Mekki Abdul Karim. 2019. Hurdles Posed by Attempts to Translate Euphemism and Taboo Expressions with Reference to Glorious Quran. *International Journal of Contemporary Applied Research*. 6(8): 130-141.
- Sameer Naser Olimat. 2018. Developing a Model for Translating Euphemism in the Qur'an: An Intratextual- and Contextual-based Approach. *Advances in Language and Literary Studies*. Published by Australian International Academic Centre PTY.LTD. 9(6): 101-111.
- Sameer Naser Olimat. 2019. Euphemism in the Qur'an: A Corpus-based Linguistic Approach. *International Journal of Computational Linguistics (IJCL)*, 10(2): 16-32.
- al-Suyūti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman. 2011. *Al-Durr al-Manthur fī al-Tafsir al-Ma'thur*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Syed Nurulakla Syed Abadullah. 2015. Analisis Makna Implisit dan Eksplisit Dalam Penterjemahan Buku 'Rihlah Ibn Battutah' ke bahasa Melayu. (Tesis Kedoktoran). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- al-Tabari, Abu Jaafar Muhammad ibn Jarir. 1994. *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wil Āyi Al-Quran Tafsir al-Tabari*. Beirut: Muassasat al-Risalatt.
- al-Tabari, Abu Jaafar Muhammad ibn Jarir. 2005. *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wil Āyi Al-Quran Tafsir al-Tabari*. Dar al-Salām: Cairo.
- Umar, Ahmad Mukhtar. 1998. *Ilmu al-Dalālatt*, Kairo: 'Alamul Kutub.
- al-Zamakhsyari, Abu al-Qasim Mahmud ibn Umar ibn Muhammad. (2009). *Al-Kasyāf 'an Haqā'iq Ghawamidh al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqāwil fī Wujuh al-Ta'wil*. Dar al-Ma'rifatt: Beirut, Lubnan.
- al-Zarqānī, M. 1988. *Manāhil al-'Irfān fī 'Ulūm Al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.